

**TEKS UCAPAN  
Y.BHG. PROFESOR Ts. DR. MASSILA KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**KONVENSYEN KEUSAHAWANAN TEKNIKAL WANITA (WTC)  
2022**

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**16 Jun 2022, 3.00 petang**

## **SALUTASI**

-seperti di lampiran

1. Pertama sekali, marilah kita sama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadirat illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita semua bertemu dalam Dewan Canselor UTeM pada hari ini sempena Konvensyen Keusahawanan Teknikal Wanita (WTC) 2022 yang merupakan Konvensyen Keusahawanan Teknikal Wanita yang pertama dianjurkan di Malaysia.
2. Terima kasih tidak terhingga kepada Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini Binti Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia kerana sudi berkunjung ke UTeM untuk menutup secara rasmi

WTC 2022. Kami sedar, jadual Yang Berhormat Datuk Seri amat ketat tetapi Yang Berhormat Datuk Seri sudi juga meluangkan masa untuk bersama kita pada petang ini.

**Bunga Kesidang cantik berseri,  
Penghias sanggul di siang hari ;  
Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri,  
Kerana sudi berkunjung ke mari.**

اوينورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Yang Berhormat Datuk Seri serta Hadiran dan Hadirat sekalian,

3. Konvensyen ini julung-julung kali dianjurkan oleh UTeM dan Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama pelbagai pihak sempena minggu TVET Negara 2022. Bertemakan “**Usahawan Teknikal Wanita: Penjana Kemakmuran**”, WTC 2022 ini dianjurkan selama dua hari untuk menjadi platform kepada para wanita mengetahui bagaimana menceburi bidang keusahawanan teknikal daripada pakar dalam bidang ini.
4. Apabila konvensyen ini mula diwar-warkan, ramai pihak tertanya-tanya apa itu “technicprenuership”. Kita sering mendengar istilah “technopreneur” atau teknousahawan tetapi jarang sekali mendengar istilah “technicpreneur” atau usahawan teknikal.

5. Seperti yang kita sedia maklum, istilah teknikal merujuk kepada teknik, kaedah atau kemahiran khusus yang digunakan dalam pelbagai aktiviti seperti dalam bidang seni, sains, kejuruteraan, perniagaan dan juga sukan. Perniagaan teknikal pula merupakan satu bentuk perniagaan bersandarkan pada kemahiran TVET dan berbentuk aplikasi. Jadi di sini dapat kita simpulkan, orang yang mengusahakan perniagaan teknikal adalah digelar usahawan teknikal atau technicpreneur.
6. Dalam perniagaan berbentuk technicpreneur, tidak ada sebab mengapa wanita tidak boleh menceburi bidang ini kerana kita

ramai graduan dalam bidang teknikal. Sebagai contoh di UTeM, kami telah melahirkan seramai 13,138 graduan wanita tempatan dan pada masa kini, UTeM mempunyai seramai 3,979 orang pelajar wanita yang sedang menjalani pengajian. Oleh itu, Konvensyen kali ini memang ingin mendorong lebih ramai wanita untuk menceburi bidang keusahawanan teknikal yang dikenalpasti sebagai sangat lumayan.

7. Bagi kami, seorang usahawan teknikal wanita bukan sahaja mampu meningkatkan ekonomi keluarga dan negara melalui perusahaan dan perniagaan berteraskan teknikal tetapi turut menyumbang kepada kebajikan, keceriaan, kesejahteraan serta kemakmuran negara dengan sentuhan kasih sayangnya.

Yang Berhormat Datuk Seri serta Hadiran dan Hadirat sekalian,

8. Konvensyen selama dua hari yang telah bermula semalam telah dipadatkan dengan pelbagai aktiviti. Antaranya adalah *Women DNA* bersama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), *Women of Wisdom* bersama i-LEAD Kementerian Belia dan Sukan, dan Forum Meja Bulat membincangkan berkenaan dengan topik 'Usahawan Teknikal Wanita sebagai Penjana Kemakmuran: Di mana kita bermula?' Pada malam ini pula, konvensyen akan diakhiri dengan majlis makan malam yang akan menobatkan ikon keusahawanan teknikal wanita 2022.


9. Program yang sudah disusun ini pasti memberikan pendedahan berguna dan percambahan fikiran kepada para peserta akan peluang keemasan yang wujud dalam bidang ini. Secara langsung, WTC 2022 mendorong para peserta untuk berminat menjadi seorang usahawan teknikal.
10. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa penganjur konvensyen yang diketuai oleh Ts. Dr. Suriati Akmal sebagai Pengarah Konvensyen, Puan Ruzy Hayati Hambali sebagai Ketua



Urusetia dan Datin Wira Ts. Nurazlina Mohd Sanusi sebagai Ketua ahli jawatankuasa Majlis Makan Malam.

11. Penghargaan saya kepada pihak INSKEN dan i-LEAD yang turut bersama terlibat dalam pengisian konvensyen ini, ahli panel dan moderator bagi sesi meja bulat, pempamer, pihak penaja, pelajar-pelajar dan semua peserta yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.
12. Akhir sekali, penghargaan tidak terhingga kami kepada Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini Binti Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia kerana sudi hadir untuk menutup secara rasmi WTC 2022 pada petang ini. Kami berharap,

konvensyen yang telah berlangsung ini menjadi salah satu aktiviti istimewa minggu TVET Negara dan menyumbang kepada kejayaan TVET di Malaysia. Terima kasih Datuk Seri.



**Bunga Kesidang hiasan tamu,  
Cantik di mata harumnya kekal;  
Kita bersidang saling bertemu,  
Mencorak wanita Usahawan Teknikal**

Sekian. Terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullah hi barakatuh.

